

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**  
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@kuis.edu.my  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

# Wacana Skematik Ayat Dialog dalam Surah Yusuf


## *Schematic Discourse of Dialogue Verses in Surah Yusuf*

Mohd Azrul Azlen Abd Hamid , Mohd Farid Ravi Abdullah  , &  
Achmad Yani 


To cite this article:

Abd Hamid, M. A. A., Abdullah, M. F. R. & Yani, A. (2024). Wacana skematik ayat dialog dalam surah Yusuf. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(1), 1223-1238. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.400>.

To link this article:


 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.400>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 30 June 2024

 Submit your article to this journal:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.



# Wacana Skematik Ayat Dialog dalam Surah Yusuf

## [Schematic Discourse of Dialogue Verses in Surah Yusuf]

Mohd Azrul Azlen Abd Hamid <sup>1\*</sup>, Mohd Farid Ravi Abdullah <sup>2</sup>, & Achmad Yani <sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, KM 1, Jalan Panchor Pagoh, 84600 Muar, Johor, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

<sup>3</sup>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI.

\* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd Hamid. Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia.

✉ azrul\_qla@iium.edu.my ☎ (+06) 9742601. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-2619-8487>.

### Keywords:

Dialogue Discourse, Discourse Analysis, Surah Yusuf.

### ABSTRACT

The study aims to identify the superstructure (schematic) of the dialogue in surah Yusuf. To identify the schematic in the story, discourse analysis is used as a tool to analyse it. The analysis process was based on inductive theory combining qualitative and quantitative approaches. The qualitative approach was used to identify the schematic in the dialogue. The identified schematic elements served as a reference for the quantitative approach. The quantitative approach was utilised to calculate the percentage of the type and quantity of dialogues. The results demonstrate that two-way discussion predominates the narrative of the Prophet Joseph in 26 of the surah's dialogues. The dialogues which feature only human interaction consist of a three-part structure; the beginning, development and resolution.

**Contribution:** These insights deepen our comprehension of narrative frameworks within religious texts and establish a robust methodological framework for their analysis. The study's contributions extend to providing methodological insights into discourse analysis applied to religious texts and furnishing empirical data on dialogue types and patterns within Surah Yusuf. Such findings are invaluable to scholars engaged in Islamic studies and discourse analysis.

### Kata Kunci:

Wacana Dialog, Analisis Wacana, Surah Yusuf.

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti skematik dalam ayat dialog surah Yusuf. Analisis wacana digunakan bagi mengenal pasti skematik dalam kisah yang dikaji. Proses analisis yang dilakukan adalah berdasarkan teori induktif yang menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif digunakan bagi mengenal pasti skematik yang terdapat pada dialog dalam surah Yusuf. Elemen-elemen skematik yang telah dikenal pasti tersebut digunakan sebagai panduan bagi pendekatan kuantitatif yang digunakan. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk menentukan peratusan jenis dan bilangan penjuror dialog. Hasil kajian menunjukkan terdapat 26 dialog dalam surah Yusuf dengan dialog dua hala mendominasi kisah Nabi Yusuf AS. Pemilihan watak dialog

pula melibatkan hanya manusia, manakala struktur dialog terdiri daripada permulaan, perkembangan dan peleraian.

**Sumbangan:** Pandangan ini memperdalam pemahaman tentang kerangka naratif dalam teks-teks agama dan membentuk kerangka metodologi yang kukuh untuk analisisnya. Sumbangan kajian ini juga memberikan pandangan metodologi ke dalam analisis wacana yang diterapkan kepada teks-teks agama dan menyediakan data empirik mengenai jenis-jenis dan corak-corak dialog dalam Surah Yusuf. Penemuan sebegini amat bernilai bagi para sarjana yang terlibat dalam kajian Islam dan analisis wacana.

#### ARTICLE HISTORY

Received: November 11, 2023

Accepted: March 18, 2024

Available Online: June 12, 2024

Published: June 30, 2024

This is an open access article under the CC BY-NC license.



#### To cite this article:

Abd Hamid, M. A. A., Abdullah, M. F. R. & Yani, A. (2024). Wacana skematik ayat dialog dalam surah Yusuf. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(1), 1223-1238. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.400>.

## I. PENDAHULUAN

Wacana dialog merupakan gabungan istilah yang terdiri daripada perkataan wacana dan dialog. Wacana merupakan satu unit bahasa yang terdiri daripada ucapan, ungkapan dan catatan yang mempunyai maksud serta digunakan untuk tujuan komunikasi. Kerangka yang membentuk wacana secara umum dinamakan sebagai skematik. Dialog adalah proses berfikir secara bersama-sama menerusi cara bertukar-tukar pandangan supaya proses berdialog itu berlaku dengan sempurna (Abdul Latif, 2014). Menurut Peters dan Besley (2019), dialog merupakan satu metodologi yang membantu manusia untuk memahami sesuatu hakikat bagi tujuan untuk menangani isu-isu yang bersifat kritikal.

Wacana dialog dalam al-Quran merujuk komunikasi dalam bentuk dialog yang selari dengan maklumat berdasarkan tema-tema tertentu (Abdul Latif, 2014). Komunikasi secara berdialog ini merupakan satu instrumen yang penting dalam penyatuan pemikiran, budaya dan masyarakat. Al-Quran sarat dengan ayat-ayat yang berbentuk komunikasi secara dialog. Dialog inilah yang membentuk komunikasi yang sejajar dengan tema-tema tertentu serta sarat dengan panduan dan pengajaran. Kebiasaannya dialog terbahagi kepada permulaan, perkembangan dan peleraian. Walton dan Krabbe (1995) pula meletakkan lima asas bagi sesuatu dialog, iaitu penyiasatan (*inquiry*), pemujukan (*persuasion*), perundingan (*negotiation*), pemerolehan maklumat (*information seeking*), pertimbangan (*deliberation*) dan formal (*eristic*).

Surah Yusuf adalah sebuah surah yang dipenuhi dengan kisah yang ditonjolkan melalui dialog sehingga diisytiharkan sebagai sebuah kisah yang terbaik dalam al-Quran. Firman Allah SWT SWT dalam surah Yusuf [12] ayat 3:

﴿نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾﴾

Maksudnya:

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) sebaik-baik kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu adalah dari orang yang tidak pernah menyedari halnya.

Menurut al-Rāzī (2012), kisah ini disebut sebagai kisah terbaik kerana di dalamnya terdapat pengajaran, hikmah dan keajaiban yang tidak terdapat dalam kisah-kisah yang lain. Nabi Yusuf AS, bapanya Nabi Yaakub AS, saudara-saudaranya, isteri al-'Azīz, raja dan bekas banduan penjara memiliki pengakhiran yang bahagia. Justeru, analisis dialog-dialog yang dilontarkan melalui watak-watak tersebut akan membantu kefahaman mengenai skematik ayat dialog.

Selain membantu kefahaman mengenai skematik, ayat-ayat yang berbentuk dialog dalam al-Quran mencakupi segenap bentuk gaya bahasa yang memiliki ciri-ciri tersendiri dalam meyakinkan manusia agar sentiasa menjadi hamba Allah SWT yang sebenar serta membimbing pemahaman terhadap hakikat kebenaran. Namun begitu, ciri-ciri ini perlu dikaji secara teliti kerana makna dialog-dialog tersebut datang dalam bentuk yang tersurat dan tersirat. Penelitian terhadap bentuk dialog ini adalah sangat penting kerana ia mempunyai maksud dan nilai dalam konteks interpersonal antara seseorang dengan yang lain (Nahar, Budianti & Sukur, 2023). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti skematik dalam ayat dialog surah Yusuf bagi meneliti nilai dalam konteks interpersonal.

## 2. METODOLOGI

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti skematik dalam ayat dialog surah Yusuf. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah dipilih sebagai kaedah kajian. Analisis wacana digunakan untuk mengenal pasti skematik dalam kisah yang dikaji. Perbincangan berkaitan dialog dalam surah Yusuf dilakukan dengan menggunakan kerangka Dijk (1983) yang merangkumi tiga aras, iaitu struktur makro (tematik), superstruktur (skematik) dan struktur mikro (gaya bahasa). Walaupun begitu, kajian ini menumpukan hanya kepada aras superstruktur (skematik) berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Data diperolehi melalui analisis yang dilakukan terhadap keseluruhan kandungan surah Yusuf. Analisis ini kemudiannya dilakukan secara berperingkat seperti berikut:

- Memastikan data adalah berbentuk dialog
- Memastikan kaedah pembahagian ayat-ayat dilakukan dengan betul agar menepati dialog permulaan dan dialog terakhir sehingga dapat difahami secara menyeluruh
- Data yang telah siap dikategorikan kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti 9 berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.

Proses analisis yang dilakukan adalah berdasarkan teori induktif yang menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif (al-Mashhadānī, 2013). Pendekatan kualitatif digunakan bagi mengenal pasti skematik yang terdapat pada dialog dalam surah Yusuf. Elemen-elemen skematik yang telah dikenal pasti tersebut digunakan sebagai panduan bagi pendekatan kuantitatif yang digunakan. Pendekatan kuantitatif tersebut digunakan untuk menentukan peratusan jenis dan bilangan penjuror dialog. Peratusan jenis dialog ditentukan berdasarkan bilangannya, manakala peratusan penjuror dialog pula ditentukan berdasarkan keseluruhan bilangannya yang terdapat dalam al-Quran.

## 3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Skematik merupakan kerangka yang tetap dan utuh menerangkan bentuk sebuah wacana (Bansal, 2018). Bagi konteks kajian ini, fokus perbincangan adalah berkaitan cara al-Quran menyusun perbincangan daripada struktur kepada sebuah wacana dialog yang merangkumi dapatan analisis yang meliputi skematik pemilihan watak, nilai peribadi watak dan struktur dialog.

### 3.1 Taburan Dialog dalam Kisah Nabi Yusuf AS

Terdapat 26 dialog yang telah dikenal pasti dalam surah Yusuf. Taburan dialog-dialog tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Rajah 1.

#### Jadual 1


Taburan Dialog dalam Surah Yusuf

Bil.	Nombor Ayat	Watak Dialog	Jenis Dialog
1	4-6	Nabi Yusuf AS & Nabi Yaakub AS	Dua hala
2	8-10	Adik-beradik Nabi Yusuf AS	Dua hala
3	11-14	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua hala
4	17-18	Adik beradik Nabi Yusuf dan Nabi Yaakub AS	Dua hala
5	21	Pembesar <i>al-'Azīz</i>	Sehala
6	23	Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> dan Nabi Yusuf AS	Dua hala

7	25-29	Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> , Nabi Yusuf AS, ahli keluarga isteri <i>al-'Azīz</i>	Dua hala
8	30-33	Wanita-wanita kota, Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> dan Nabi Yusuf AS	Dua hala
9	36-42	Banduan dan Nabi Yusuf AS	Dua hala
10	43-45	Raja Mesir dan ketua-ketua kaum	Dua hala
11	46-49	Nabi Yusuf AS dan bekas banduan	Dua hala
12	50	Raja Mesir	Sehala
13	50	Nabi Yusuf AS	Sehala
14	51-53	Raja Mesir, wanita kota dan isteri pembesar <i>al-'Azīz</i>	Dua hala
15	54-55	Raja Mesir dan Nabi Yusuf AS	Dua hala
16	59-61	Nabi Yusuf AS dan adik beradiknya	Dua hala
17	62	Nabi Yusuf AS	Sehala
18	63-67	Adik-beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua hala
19	69	Nabi Yusuf AS	Sehala
20	70-75	Orang-orang Menteri dan adik beradik Nabi Yusuf AS	Dua hala
21	77-79	Adik-beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yusuf AS	Dua hala
22	80-82	Abang sulung Nabi Yusuf AS	Sehala
23	83-87	Adik-beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua hala
24	88-93	Adik-beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yusuf AS	Dua hala
25	94-98	Nabi Yaakub dan Adik-beradik Nabi Yusuf AS	Dua hala
26	99-101	Nabi Yusuf AS	Sehala

### Rajah 1

#### Jenis Dialog dalam Surah Yusuf



Rajah 1 menunjukkan kedudukan dialog yang boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu dialog sehala dan dua hala. Dialog sehala ialah dialog yang berlaku secara sebelah pihak, manakala pihak sebaliknya hanya mendengar tanpa memberikan respons kepada watak tersebut secara terus. Adapun dialog dua hala merujuk kepada dialog yang melibatkan respons antara dua pihak yang diwakili oleh dua watak dialog atau lebih (Abdul Latif, 2014). Berdasarkan Rajah 1 di atas, terdapat 20 (77%) dialog dua hala dan enam (6) (23%) dialog berbentuk sehala.

### 3.2 Skematik Pemilihan Watak Dialog

Al-Quran menonjolkan watak yang terdiri daripada manusia dan bukan manusia (Abdul Latif, 2014). Bagi konteks kisah Nabi Yusuf AS, manusia merupakan satu-satunya watak yang ditonjolkan. Tidak ada watak lain yang ditonjolkan dalam surah Yusuf. Watak yang disebutkan dalam surah Yusuf dapat dibahagikan kepada beberapa kategori:

#### i. Para Rasul

Dua orang rasul yang telah dipilih dan dikemukakan dialog mereka dalam surah Yusuf ialah Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS. Pemilihan kedua-dua rasul dalam kisah ini sebagai watak utama adalah kerana tema kisah yang dipaparkan adalah berkaitan isu-isu kekeluargaan. Isu-isu ini melibatkan pendekatan dalam mendidik anak-anak dan konflik dalam keluarga.

ii. Ahli keluarga Nabi Yusuf AS

Ahli keluarga Nabi Yusuf AS merupakan antara watak utama yang ditonjolkan dalam dialog-dialog kisah baginda. Babak pertama kisah ini bermula dengan konspirasi yang dilakukan oleh adik-beradik baginda. Kemarahan mereka terhadap baginda disusuli dengan perancangan dan tindakan untuk menjauhkan baginda daripada ayah mereka, Nabi Yaakub AS (Nawfal, 1989).

iii. Individu-individu tertentu

Terdapat individu-individu tertentu yang menjadi watak pembantu dan watak sampingan dalam kisah Nabi Yusuf AS. Watak-watak yang membawa watak pembantu dan sampingan ini mewarnai kisah dan perjalanan surah Yusuf. Namun begitu, watak-watak ini tidak disebutkan secara jelas nama-nama mereka. Apa yang disebutkan adalah jawatan, gelaran, kedudukan dalam pentadbiran dan ganti nama diri yang merujuk seorang lelaki atau seorang wanita. Antara watak-watak tersebut adalah isteri *al-'Azīz*, *al-'Azīz*, ahli keluarga Isteri *al-'Azīz*, wanita-wanita kota, banduan, Raja Mesir, ketua-ketua kaum dan para pembantu Menteri. Nama-nama mereka tidak disebutkan secara spesifik kerana tujuan kisah ini adalah untuk memberikan pengajaran kepada manusia (Maesaroh, Aridah & Rusmawaty, 2022).

### 3.3 Nilai Peribadi Watak Dialog

Nilai peribadi watak yang digambarkan melalui dialog-dialog dalam surah Yusuf ini dapat dilihat menerusi teknik al-Quran yang menggambarkan nilai peribadi watak melalui dialog yang dilontarkan. Nilai peribadi watak merujuk kualiti peribadi yang dimiliki oleh watak tersebut. Nilai ini dapat diketahui sama ada melalui ayat al-Quran yang memperihalkan watak-watak tersebut atau dialog-dialog yang menggambarkan tentang peribadi mereka (Abdul Latif, 2014).

Berdasarkan analisis yang dilakukan, terdapat dua gambaran tentang nilai peribadi watak. Gambaran pertama ialah dialog yang menunjukkan individu yang memiliki nilai peribadi yang baik, manakala gambaran kedua pula ialah individu yang memiliki nilai peribadi yang buruk.

#### 3.3.1 Nilai peribadi baik

Nilai peribadi yang baik boleh diketahui menerusi watak Nabi Yusuf AS, Nabi Yaakub AS dan *al-'Azīz*.

i. Nabi Yusuf AS

Nabi Yusuf AS merupakan watak utama dalam surah Yusuf. Baginda bukan sahaja digambarkan sebagai jejak yang kacak dan diminati ramai orang, tetapi kesabaran, keikhlasan dan kualiti kepimpinan yang tinggi merupakan nilai yang membentuk kehebatan baginda (Bohari, Mohd Yusof, Wan Abdullah, & Mohd Kosnin, 2020; Ab Halim, 2016). Setelah dibuang oleh adik-beradik sendiri, baginda dibawa berpindah dari Palestin ke Mesir. Baginda terpaksa berpisah dengan keluarga sendiri pada usia yang muda dan kemudian dijual sebagai hamba abdi. Apabila meningkat remaja, baginda diuji pula dengan godaan Isteri *al-'Azīz* dan wanita-wanita jahat yang akhirnya menyebabkan baginda memilih untuk berada di dalam penjara (Abdul Rahman Said, Ilham, Rusdi, Amiruddin, 2022). Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 33:

﴿قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٣٣﴾﴾

Maksudnya:

Yusuf berkata, "Wahai Tuhanku! Penjara itu lebih ku cintai daripada apa yang mereka pinta untuk aku melakukan dan jika Engkau tidak menghindarkan tipu daya mereka daripadaku, nescaya aku akan terpesona kepada mereka dan tentulah aku akan termasuk dalam kalangan orang yang bodoh."

Kesemua situasi yang ditonjolkan melalui kisah Nabi Yusuf AS ini adalah lambang nilai peribadi baik baginda.

ii. Nabi Yaakub AS

Nabi Yaakub AS diuji dengan kehilangan anak yang disayangi. Apabila diberitahu tentang kehilangan Nabi Yusuf AS yang didakwa telah dimakan oleh serigala, baginda bersabar atas perbuatan anak-anaknya dan bersabar atas kehilangan anaknya Nabi Yusuf AS (Ibn 'Ashūr, 1984). Inilah nilai murni yang ditonjolkan oleh Nabi Yaakub AS melalui firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 18:

﴿وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾﴾

Maksudnya:

Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal)." Jika demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya dan Allah SWT jualah yang dipohonkan pertolonganNya mengenai apa yang kamu katakan itu.

Dialog-dialog di atas menunjukkan bahawa teknik al-Quran menampilkan kejadian yang menonjolkan nilai peribadi mulia watak dalam dialog tersebut. Antara nilai yang ditonjolkan adalah sikap sabar yang dimiliki oleh watak-watak tersebut ketika berhadapan ujian dan musibah.

3.3.2 Nilai peribadi buruk

i. Adik-beradik Nabi Yusuf AS

Adik-beradik Nabi Yusuf AS merupakan watak yang ditonjolkan di permulaan dan pengakhiran surah Yusuf. Surah ini bermula dengan babak Nabi Yusuf AS menghadapi konspirasi jahat adik-beradiknya (selain Bunyāmīn). Konspirasi ini bermula dengan sikap cemburu adik-beradik baginda sehingga membawa kepada keputusan untuk membunuhnya (Abdul Rahman Said, Bakri & Mubarak, 2023). Sikap cemburu muncul kerana mereka berpendapat bahawa ayahanda mereka, Nabi Yaakub AS lebih menumpukan perhatiannya kepada Nabi Yusuf AS dan adiknya Bunyāmīn (Ibrahim, 2010). Nilai peribadi mereka terserlah melalui surah Yusuf ayat 8 berikut:

﴿إِذْ قَالُوا لِيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنََّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾﴾

Maksudnya:

(Kisah itu bermula) ketika mereka (adik-beradik Yusuf) berkata, "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya itu lebih disayangi oleh ayah kita daripada kita semua, sedangkan kita ramai. Sesungguhnya ayah kita berada dalam kekeliruan yang amat nyata."

Sifat cemburu yang dimiliki tidak berhenti sekadar itu sahaja. Ia mula membarah sehingga menimbulkan perasaan benci dan kemahuan agar Nabi Yusuf AS itu segera disingkirkan dari keluarga (Firdaus, Ramadhan & Amrullah, 2023). Ketika berbincang tentang cara yang terbaik untuk menyingkirkan baginda, ada antara adik-beradik Nabi Yusuf AS mencadangkan sama ada baginda dibunuh atau dibuang ke satu tempat yang jauh. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 9:

﴿اقْتُلُوا يُوسُفَ أَوْ اطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهَ أَبِيكُمْ ... ﴿٩﴾﴾

Maksudnya:

Hendaklah kamu bunuh Yusuf atau buangkannya ke satu tempat (yang jauh) supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata...

Kemudian terdapat salah seorang daripada mereka pula mencadangkan agar Nabi Yusuf tidak dibunuh, tetapi hanya membuangnya ke dalam perigi buta (Ibn 'Ashūr, 1984). Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 10:

﴿قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا يُوسُفَ وَأَلْقُوهُ فِي الْغُورِ فِي غَيْبَتِ الْجُبِّ يَلْتَقِطُهُ بَعْضُ السَّيَّارَةِ إِنْ كُنْتُمْ فَاعِلِينَ ﴿١٠﴾﴾

Maksudnya:

Salah seorang di antara mereka berkata: "Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buanglah dia ke dalam perigi buta, supaya dia dipungut oleh orang yang bermusafir (yang lalu di situ), kalaulah kamu tetap menjalankan rancangan kamu itu."

ii. Isteri *al-'Azīz*

Selain watak adik-beradik Nabi Yusuf AS, watak Isteri *al-'Azīz* juga menonjolkan nilai peribadi yang buruk. Ketika berada di Mesir, setelah Nabi Yusuf AS meningkat remaja, baginda diuji dengan godaan Isteri *al-'Azīz* yang sentiasa mengajaknya untuk melakukan perbuatan sumbang setiap kali mendapat peluang. Cubaan untuk menggoda Nabi Yusuf AS bukan sahaja sekali tetapi dilakukan berulang kali (Ibn 'Ashūr, 1984). Perkara ini dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 23:

﴿وَرَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِ وَغَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْت لَكَ...﴾

Maksudnya:

Dan perempuan *al-'Azīz* menggoda Yusuf yang tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakan dirinya; dan perempuan itupun menutup pintu-pintu serta merta sambil berkata: "Marilah ke mari, aku bersedia untukmu..."

Ayat di atas adalah gambaran siri terakhir penggodaan wanita tersebut. Ia bukanlah kali pertama berlaku, tetapi siri-siri godaan ini telah berulang beberapa kali (Ibn 'Ashūr, 1984). Melalui ayat tersebut, jelaslah nilai peribadi watak yang disebutkan oleh al-Quran tentang Isteri *al-'Azīz* yang dikuasai oleh nafsu sehingga sanggup merosakkan orang yang berada di bawah jagaan suaminya sendiri.

Dialog-dialog di atas menunjukkan bahawa teknik al-Quran menampilkan kejadian yang menunjukkan nilai-nilai buruk yang perlu dijahui. Sekiranya kehendak nafsu dituruti, hal ini akan disusuli dengan tindakan yang lebih jahat.

### 3.4 Struktur Dialog dalam Surah Yusuf

Struktur dialog dalam Surah Yusuf melibatkan tiga aspek iaitu permulaan dialog, perkembangan dialog dan peleraian dialog.

#### 3.4.1 Permulaan dialog

Permulaan dialog adalah cara sesuatu dialog bermula dan ia berdasarkan faktor-faktor yang menyebabkannya berlaku (Abdul Latif, 2014). Berdasarkan analisis yang dilakukan, dialog surah Yusuf bermula dengan beberapa keadaan iaitu penerangan situasi, penggunaan frasa "apabila berkata" (إذ قال) dan faktor-faktor permulaan dialog.

Skematik penerangan situasi bermula dengan beberapa ayat yang mengandungi penerangan situasi yang kemudiannya disusuli dengan dialog yang menghuraikan situasi yang berlaku. Surah Yusuf bermula dengan pernyataan bahawa kisah Nabi Yusuf AS merupakan sebaik-baik kisah yang perlu diberikan perhatian. Berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat 3 surah Yusuf, permulaan dialog bermula dengan kenyataan tentang kisah Nabi Yusuf AS yang merupakan sebaik-baik kisah. Kisah ini disebut sebagai kisah terbaik kerana kesemua wataknya memiliki pengakhiran bahagia (Nawfal, 1989). Oleh itu, teknik ini merupakan strategi bagi menarik pembaca al-Quran agar terus membaca kisah ini sehingga akhir. Apa yang dipaparkan bukanlah khusus kepada Nabi Yusuf AS dan ahli keluarganya, tetapi merupakan skrip kehidupan yang perlu dilalui oleh semua manusia.

Setelah penerangan situasi diberikan dengan jelas, ia kemudian disusuli dengan dialog yang diungkapkan oleh watak utama. Kisah ini bermula dengan dialog yang dikemukakan oleh Nabi Yusuf AS kepada ayahnya, Nabi Yaakub AS setelah mengalami mimpi.

Selepas penerangan situasi dilakukan, dialog bermula dengan frasa "apabila berkata" (إذ قال) ketika Nabi Yusuf AS berbincang dengan ayahnya mengenai mimpi yang dialaminya. Dialog ini bermula dengan latar konflik yang bermula dalam keluarga sebelum ia disusuli dengan konflik yang berlaku dalam masyarakat dan kemudiannya negara. Latar sebegini amat penting untuk difahami kerana keluarga merupakan permulaan kepada perubahan sosial. Jika keluarga dibentuk dengan baik, kesannya akan dilihat dalam masyarakat dan negara (Zulhaini, 2019).

Bagi konteks kisah Nabi Yusuf AS, baginda bermimpi melihat 11 bintang, matahari dan bulan. Mimpi tersebut mempunyai kaitan dengan permulaan kisah baginda. Ia adalah permulaan watak hebat yang dibentuk melalui konflik dan ujian yang perlu dihadapi sejak dari kecil lagi. Sebelas bintang yang dilihat itu mempunyai kaitan dengan keluarga baginda (Ibn Kathir, 2009). Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 4:

﴿إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ﴿٤﴾﴾

Maksudnya:

(Kenangilah!) apabila Yusuf berkata kepada ayahnya, “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan. Aku melihat (sebelas bintang itu) semuanya sujud kepadaku.”

Menurut Abdul Latif (2014), faktor-faktor permulaan dialog dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada dua, iaitu faktor konflik dan permintaan. Faktor konflik terbahagi kepada empat iaitu formal peribadi, pemujukan dan ajakan, pertimbangan dan perundingan. Faktor permintaan pula terbahagi kepada enam iaitu doa, pemerolehan maklumat, penemuan, penyiasatan, wasiat dan permohonan. Bagi konteks kisah Nabi Yusuf AS, faktor konflik dibahagikan kepada permulaan konflik, manakala faktor permintaan pula terbahagi kepada penemuan dan pemerolehan maklumat.

#### i. Faktor konflik

Faktor konflik yang terdapat dalam surah Yusuf adalah berbentuk rundingan (Zakaria & Nordin, 2021; Zakaria & Nordin, 2020). Konflik merupakan suatu keadaan yang tidak menyenangkan seperti perselisihan atau pertentangan antara individu dan kepentingan. Ia terjadi kerana sikap tidak dapat menerima sesuatu kesalahan dan kenyataan (Puspita, 2018).

Kisah Nabi Yusuf AS memaparkan konflik melalui dialog yang berbentuk rundingan antara kepentingan kedua belah pihak. Ketika adik-beradik Nabi Yusuf AS memujuk Nabi Yaakub AS agar melepaskan adik mereka dengan alasan untuk bermain bersama, Nabi Yaakub AS merasa sangsi dengan rundingan anak-anaknya itu. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 11 hingga 14:

﴿قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا بِيُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَنْصِحُونَ ﴿١١﴾ أَرْسَلَهُ مَعَنَا عَدَا يَرْتَع وَيَلْعَب وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿١٢﴾ قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنَّ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الدِّيبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ ﴿١٣﴾ قَالُوا لَيْنَ أَكَلَهُ الدِّيبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّا إِذًا لَآخِشُونَ ﴿١٤﴾﴾

Maksudnya:

Lalu mereka berkata: “Wahai ayah kami! Mengapa ayah tidak menaruh kepercayaan kepada kami terhadap (keselamatan) Yusuf sedangkan kami sekalian ikhlas kepadanya? Biarkanlah dia keluar bersama kami esok supaya dia dapat bersuka ria, bermain-main dan sesungguhnya kami sekalian akan menjaganya.” Jawab ayah mereka: “Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai daripada menjaganya.” Mereka berkata: “Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang yang rugi.”

Rundingan adik-beradik Nabi Yusuf AS bermula dengan dialog yang menyerang ayah mereka. Mereka menuduh ayah mereka tidak percaya kepada anak-anaknya serta sentiasa bersangka buruk kepada mereka. Nabi Yaakub AS agak keberatan untuk melepaskan Nabi Yusuf AS pergi bersama abang-abangnya memandangkan Nabi Yusuf AS tidak pernah pun sebelum ini keluar bersama mereka. Tambahan pula, Nabi Yusuf AS masih kecil dan tidak sesuai untuk melakukan perkara yang lasak seperti mengembala kambing, memanjat bukit serta menaiki gunung dan lembah (al-Khālidī, 1998). Oleh sebab itulah, Nabi Yaakub AS keberatan untuk melepaskan Nabi Yusuf AS keluar bersama mereka.

Adik-beradik Nabi Yusuf AS sebenarnya salah faham dalam memahami maksud ayah mereka itu. Mereka menyangka keengganan Nabi Yaakub AS itu adalah disebabkan ketidakpercayaan baginda terhadap mereka. Lantas mereka menyerang dan menuduh Nabi Yaakub AS dengan pelbagai tuduhan melalui provokasi yang dilakukan di samping terus mendesak ayah mereka sehinggalah diizinkan Nabi Yusuf AS untuk keluar bersama mereka. Rundingan demi rundingan dilakukan. Kata-kata dan janji manis yang mereka lontarkan itu hanyalah lakonan dan janji kosong semata-mata. Mereka cuba mengaburi mata dan fikiran ayah mereka supaya

melepaskan Nabi Yusuf AS bersama mereka. Namun Nabi Yaakub AS cuba melindungi anaknya yang masih kecil (Ibn 'Ashūr, 1984). Baginda menzahirkan kebimbangan dan kekuatirannya terhadap Nabi Yusuf AS. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 13:

﴿قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنْ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya:

Jawab ayah mereka: "Sesungguhnya pemergian kamu membawanya bersama kamu itu akan mendukacitakan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan serigala, sedangkan kamu lalai dari menjaganya."

## ii. Faktor permintaan

Berdasarkan analisis terhadap surah Yusuf, bentuk permulaan permintaan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu penemuan dan pemerolehan maklumat.

Penemuan yang dimaksudkan adalah pencarian penjelasan tentang sesuatu maklumat atau peristiwa yang berlaku (Abdul Latif, 2014). Melalui kisah Nabi Yusuf AS, dialog sebegini muncul di permulaan kisah apabila Nabi Yusuf AS meminta penjelasan atau pencerahan daripada ayah baginda tentang mimpi yang dialaminya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 4. Ayat ini menjelaskan pencarian penjelasan di sebalik mimpi yang dilalui oleh Nabi Yusuf AS. Baginda tidak tahu makna di sebalik mimpi pelik yang dialaminya. Lalu baginda menceritakan mimpinya agar diberikan penjelasannya (al-Khālidi, 1998).

Dialog mengenai pemerolehan maklumat pula melatari kisah Nabi Yusuf AS apabila orang mula mengetahui tentang keupayaan baginda mentafsir mimpi. Dialog ini dimulai dengan persoalan banduan kepada baginda. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 36:

﴿وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٍ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَرْبَعِ أَعْيُنٍ حَمْرًا وَقَالَ الْآخَرُ إِنِّي أَرَانِي أَعْجُلُ فَوْقَ رَأْسِي خُبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ نَبِينَا بِتَأْوِيلِهِ إِنَّا نَرَاكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٦﴾﴾

Maksudnya:

Dan turut masuk penjara bersama-sama dengannya ialah dua orang pemuda (pelayan raja). Salah seorang daripada mereka berkata (kepada Yusuf): "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur," dan berkata pula seorang lagi: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku membawa roti di atas kepalaku yang sebahagiannya dimakan oleh burung. Ceritakanlah kepada kami akan ta'birnya. Sesungguhnya kami memandang engkau daripada golongan orang yang berbuat kebaikan."

Begitu juga dalam surah Yusuf ayat 41:

﴿يُصْغِي السِّجْنِ أَمَّا أَحَدُكُمَا فَيَسْقِي رَبَّهُ حَمْرًا وَأَمَّا الْآخَرُ فَيُصَلِّبُ فَتَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ فَضَيَّ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْتَفْتِيَانِ ﴿٤١﴾﴾

Maksudnya:

"Wahai dua sahabat sepenjaraku! Adapun (ta'bir mimpi) salah seorang daripada kamu, maka dia akan menghidangkan minuman arak kepada tuannya. Adapun yang seorang lagi, maka dia akan disalib (mati) dan sebahagian daripada kepalanya akan dimakan oleh burung. Perkara yang ditanyakan kamu itu telah pun diputuskan."

Kepercayaan tahanan penjara terhadap nabi Yusuf AS untuk mendapatkan maklumat tentang mimpi adalah kerana mereka memandang nabi Yusuf AS sebagai seorang yang baik, mempunyai akhlak yang mulia dan tingkah laku yang baik. Lazimnya, sesuatu yang bersifat peribadi akan diceritakan kepada orang yang dihormati dan boleh dipercayai.

### 3.4.2 Perkembangan dialog

Perkembangan dialog adalah respon dua hala yang berlaku yang berlaku antara setiap watak yang terlibat dalam dialog tersebut (Abdul Latif, 2014). Dialog ini membentuk bilangan penjurur tertentu dan pola penggiliran respons di antara watak-watak yang terlibat secara aktif dalam dialog tersebut seperti ditunjukkan oleh Jadual 2 dan Rajah 2.

**Jadual 2**


*Bilangan Penjuru Dialog Kisah Nabi Yusuf AS*

Bil.	Nombor Ayat	Watak Dialog	Bilangan Penjuru
1	4-6	Nabi Yusuf AS & Nabi Yaakub AS	Dua Penjuru
2	8-10	Adik beradik Nabi Yusuf AS	Satu penjuru
3	11-14	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua Penjuru
4	17-18	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua Penjuru
5	21	Pembesar <i>al-'Azīz</i>	Satu Penjuru
6	23	Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> dan Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
7	25-29	Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> , Nabi Yusuf AS, ahli keluarga isteri <i>al-'Azīz</i> ,	Empat Penjuru
8	30-33	Wanita-wanita kota, Isteri pembesar <i>al-'Azīz</i> dan Nabi Yusuf AS	Tiga Penjuru
9	36-42	Banduan dan Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
10	43-45	Raja Mesir dan ketua-ketua kaum	Dua Penjuru
11	46-49	Nabi Yusuf AS dan bekas banduan	Dua Penjuru
12	50	Raja Mesir	Satu Penjuru
13	50	Nabi Yusuf AS	Satu Penjuru
14	51-53	Raja Mesir, wanita kota dan isteri pembesar <i>al-'Azīz</i>	Tiga Penjuru
15	54-55	Raja Mesir dan Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
16	59-61	Nabi Yusuf AS dan adik beradiknya	Dua Penjuru
17	62	Nabi Yusuf AS	Satu Penjuru
18	63-67	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua Penjuru
19	69	Nabi Yusuf AS	Satu Penjuru
20	70-75	Orang-orang Menteri dan adik beradik Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
21	77-79	Adik- beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
22	80-82	Abang sulung Nabi Yusuf AS	Satu Penjuru
23	83-87	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS	Dua Penjuru
24	88-93	Adik beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
25	94-98	Nabi Yaakub AS dan Adik-beradik Nabi Yusuf AS	Dua Penjuru
26	99-101	Nabi Yusuf AS	Satu Penjuru

Jadual 2 menerangkan bilangan penjuru dialog yang terdapat dalam kisah Nabi Yusuf AS berbanding Jadual 1 yang menyatakan jenis dialog sama ada ia berbentuk sehalal atau dua hala. Berdasarkan analisis yang dijalankan, kisah Nabi Yusuf AS boleh dibahagikan kepada empat (4) jenis bilangan penjuru seperti di dalam Rajah 2, iaitu satu penjuru (30.8%), dua penjuru (57.7%), tiga penjuru (7.7%) dan empat penjuru (3.8%).

**Rajah 2**

*Bilangan Penjuru dalam Kisah Nabi Yusuf AS*



**i. Satu penjuru**

Dialog satu penjuru bermaksud dialog yang dilontarkan oleh satu watak yang aktif sahaja dan tiada respons yang diberikan oleh watak-watak yang lain. Sebanyak 30.8% bentuk dialog ini berada dalam kisah Nabi Yusuf AS. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 21:

﴿وَقَالَ الَّذِي اشْتَرَاهُ مِنْ مِصْرَ لِامْرَأَتِهِ أَكْرِمِي مَثْوَاهُ عَسَىٰ أَنْ يَنْفَعَنَا أَوْ نَتَّخِذَهُ وَلَدًا وَكَذَلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي الْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُ  
مِن تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰ أَمْرِهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥١﴾﴾

Maksudnya:

Dan (setelah Yusuf dijualkan di negeri Mesir), berkatalah orang yang membeli Yusuf kepada isterinya: “Berilah dia layanan yang sebaik-baiknya; semoga dia berguna kepada kita, atau kita jadikannya anak.” Dan demikianlah caranya kami menetapkan kedudukan Yusuf di bumi (Mesir untuk dihormati dan disayangi), dan untuk kami mengajarnya sebahagian dari ilmu takbir mimpi. Dan Allah SWT Maha Kuasa melakukan segala perkara yang telah ditetapkan-Nya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

#### ii. Dua penjurur

Dialog dua penjurur mendominasi bentuk dialog dalam surah Yusuf. Sebanyak 57.7% bentuk dialog ini terdapat dalam kisah Nabi Yusuf AS. Contoh dialog dua penjurur adalah dialog antara Nabi Yusuf AS dan Isteri *al-'Azīz*, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 23.

#### iii. Tiga penjurur

Terdapat 7.7% bentuk dialog ini dalam kisah Nabi Yusuf AS. Contoh dialog tiga penjurur adalah dialog antara Raja Mesir, wanita kota dan isteri *al-'Azīz* mengenai kes nabi Yusuf AS yang dibuka untuk disiasat semula. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 51 hingga 53:

﴿قَالَ مَا خَطْبُكَ إِذْ رَوَدْتَنِّي يُوسُفَ عَنْ نَفْسِهِ قُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِنْ سُوءٍ قَالَتِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ الْأَنْتَ حَصْحَصَ  
الْحَقُّ أَنَا رَوَدْتُهُ عَنْ نَفْسِهِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٥١﴾ ذَلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّي لَمْ أَخُنْهُ بِالْغَيْبِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي كَيْدَ الْخَائِنِينَ ﴿٥٢﴾ وَمَا  
أَبْرَأُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٣﴾﴾

Maksudnya:

(Setelah perempuan-perempuan itu dipanggil), raja bertanya kepada mereka: “Apahal kamu, semasa kamu menggoda Yusuf mengenai dirinya?” Mereka menjawab: “Jauhnya Allah SWT dari segala cacat cela, kami tidak mengetahui sesuatu kejahatan terhadap Yusuf.” Isteri *al-'Azīz* pun berkata: “Sekarang ternyatalah kebenaran (yang selama ini tersembunyi), akulah yang memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya (tetapi dia telah menolak); dan sesungguhnya dia adalah dari kalangan orang yang benar. (Pengakuanku) yang demikian supaya dia mengetahui, bahawa aku tidak mengkhianatinya semasa dia tidak hadir (bersama di sini); dan bahawa Allah SWT tidak menayakan tipu daya orang yang khianat. Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Dialog tiga penjurur ini terjadi apabila Raja Mesir bersetuju untuk membuka semula kes Nabi Yusuf AS dan isteri *al-'Azīz*. Kesemua saksi yang terdiri daripada isteri *al-'Azīz* dan wanita-wanita yang pernah menghadiri jamuan makan yang dianjurkan olehnya dipanggil untuk menghadap raja dan dibicarakan semula. Raja sendiri yang menyelidiki fail siasatan tersebut dan baginda menemui perincian kes itu. Raja itu kemudiannya menempelak perempuan-perempuan itu kerana telah menggoda nabi Yusuf AS. Para wanita tersebut sedar bahawa raja sudah mengetahui cerita sebenar dan segala kejahatan mereka telah terbongkar. Lantas mereka serta-merta menjawab soalan Raja Mesir dengan mengakui kesalahan yang dilakukan (Ibn Kathīr, 2009).

#### iv. Empat penjurur

Dialog empat penjurur pula terbentuk sebanyak 3.8% di dalam kisah Nabi Yusuf AS. Contoh dialog empat penjurur adalah dialog antara isteri *al-'Azīz*, Nabi Yusuf AS, ahli keluarga isteri *al-'Azīz* dan *al-'Azīz* dalam babak Nabi Yusuf AS digoda oleh Isteri *al-'Azīz*. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 25 hingga 29:

﴿وَأَسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٥﴾ قَالَ هِيَ رَاوَدْتَنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٦٦﴾ وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦٧﴾ فَلَمَّا رَأَى قَمِيصَهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٦٨﴾ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿٦٩﴾ يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَذَا وَاسْتَغْفِرِي لِذَنبِكِ إِنَّكِ كُنْتِ مِنَ الْخَاطِئِينَ ﴿٧٠﴾﴾

Maksudnya:

Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): "Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakannya atau dikenakan azab yang menyiksanya." Jawab Yusuf: "Dialah orang yang telah menggoda diriku." Lalu seorang saksi daripada keluarga perempuan itu berkata: "Jika bajunya terkoyak di hadapan, maka dialah yang benar dan Yusuf adalah daripada golongan orang yang berdusta. Dan jika bajunya terkoyak di belakang, maka dialah yang berdusta dan Yusuf adalah daripada golongan orang yang benar." Apabila dia (al-'Azīz) melihat baju Yusuf terkoyak di belakang, dia pun berkata: "Sesungguhnya perbuatan itu adalah daripada tipu daya kamu semua. Sesungguhnya tipu daya kamu semua amat besar. Wahai Yusuf! Abaikan sahaja peristiwa ini dan engkau (isteriku) mohonlah keampunan atas dosamu ini kerana sesungguhnya engkau adalah daripada golongan orang yang bersalah."

Dialog empat penjurui ini bermula dengan penggodaan isteri al-'Azīz buat kali yang terakhir dan bukan untuk kali yang pertama (Ibn 'Ashūr, 1984). Keengganan Nabi Yusuf AS untuk memenuhi ajakan jahatnya yang dilakukan berulang-kali membuatkan isteri al-'Azīz mengambil langkah yang terakhir iaitu dengan mengajaknya secara terus terang. Keinginan yang terbuku diluahkan melalui adegan tersebut.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, dialog di dalam surah Yusuf berlangsung dalam bentuk dua pola pergiliran iaitu pola gilir seimbang dan pola gilir separa seimbang. Pola gilir seimbang merujuk pola pergiliran yang berlaku dalam dialog yang berlaku secara penggantian dan pergiliran yang sekata (Abdul Latif, 2014). Dialog ini bermula dengan watak pertama dan berakhir dengan watak yang kedua sebagai pemberi respons yang terakhir. Berdasarkan analisis dalam surah Yusuf (ayat 63 hingga 64), contoh pola sebegini terdapat pada dialog berikut:

﴿فَلَمَّا رَجَعُوا إِلَىٰ أَبِيهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مُنِعَ مِنَّا الْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَا آخَانًا نَّكَتْلُ مِنْهُ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٣٢﴾ قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا ءَامَنُتُمْ عَلَىٰ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ فَأَلَّهَ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴿٣٣﴾﴾

Maksudnya:

Maka ketika mereka kembali kepada bapa mereka, berkatalah mereka: "Wahai ayah kami! Kami (tetap diberi amaran bahawa kami) tidak akan mendapat lagi bekalan makanan (kiranya Bunyamin tidak pergi bersama). Oleh itu, hantarkanlah dia bersama-sama kami, supaya kami dapat lagi bekalan makanan; dan sesungguhnya kami akan menjaganya dengan sebaik-baiknya." Bapa mereka berkata: "(Jika aku lepaskan dia pergi bersama-sama kamu), aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu menjaganya melainkan seperti kepercayaanku kepada kamu menjaga saudaranya dahulu (yang telah kamu hampakan. Oleh itu aku hanya menaruh kepercayaan kepada Allah SWT), kerana Allah SWT jualah Penjaga yang sebaik-baiknya, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani dari sesiapa sahaja yang menaruh belas kasihan."

Dialog ini adalah antara Nabi Yaakub AS dengan adik-beradik Nabi Yusuf AS. Ia bermula dengan watak yang pertama, iaitu adik-beradik Nabi Yusuf AS dan kemudian diakhiri dengan kata-kata Nabi Yaakub AS. Ia berlaku secara seimbang kerana dialog ini adalah mengenai rundingan yang dilakukan antara dua pihak, iaitu adik-beradik Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS.

Pola gilir separa seimbang pula adalah pola pergiliran yang berlaku dalam dialog yang berlangsung secara penggantian yang memberikan ruang yang lebih kepada satu pihak ketika berdialog (Abdul Latif, 2014). Bagi konteks surah Yusuf (ayat 30 hingga 32), pola sebegini terdapat pada dialog berikut:

﴿وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ تُرَاوِدُ فَتْلَهَا عَنْ نَفْسِهِ ۖ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا إِنَّا لَنَرُّهَا فِي صَلِّئٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾ فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكَأً ۖ وَءَاتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ ۖ وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ تُرَاوِدُ فَتْلَهَا عَنْ نَفْسِهِ ۖ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا إِنَّا لَنَرُّهَا فِي صَلِّئٍ مُّبِينٍ ﴿٣١﴾﴾

وَقُلْنَ حَسَّ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾ قَالَتْ فَذَلِكُنَّ الَّذِي لُمْتُنَّنِي فِيهِ وَلَقَدْ رَاودْنَاهُ عَنْ نَفْسِهِ فَاسْتَعْصَمَ  
وَلَئِنْ لَمْ يَفْعَلْ مَا ءَامُرُهُ لَيُسْجَنَنَّ وَلَيَكُونَا مِنَ الصَّغِيرِينَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

Dan (sesudah itu) perempuan-perempuan di bandar Mesir (mencaci Isteri al-'Azīz dengan) berkata: "Isteri Al-'Azīz itu memujuk hambanya (Yusuf) berkehendakkan dirinya; sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudahlah meresap ke dalam lipatan hatinya; sesungguhnya kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata." Maka apabila dia (Isteri Al-'Azīz) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan untuk mereka, serta memberi kepada tiap seorang di antara mereka sebilah pisau. Dan pada ketika itu berkatalah dia (kepada Yusuf): "Keluarlah di hadapan mereka." Maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: "Jauhnya Allah SWT dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!" (Isteri Al-'Azīz) berkata: "Inilah orangnya yang kamu tempelak aku mengenainya! Sebenarnya aku telah memujuknya berkehendakkan dirinya tetapi dia menolak dan berpegang teguh kepada kesuciannya; dan demi sesungguhnya kalau dia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh tentulah dia akan dipenjarakan, dan akan tergolong dalam kalangan orang yang hina".

Dialog ini berlaku antara isteri al-'Azīz dan wanita-wanita kota yang dijemputnya dalam satu majlis. Pada mulanya mereka menyalahkan isteri al-'Azīz kerana terlalu mudah tergoda dengan ketampanan Nabi Yusuf AS. Namun setelah Nabi Yusuf AS melintas, mereka tercengang sehingga melukakan tangan sendiri. Fokus dialog ini adalah kepada usaha isteri al-'Azīz untuk membuktikan apa yang dirasainya turut dirasai oleh sesiapa yang melihat Nabi Yusuf AS.

### 3.4.2 Perleraian dialog

Peleraian dialog adalah cara sesuatu dialog itu berakhir (Abdul Latif, 2014). Ulasan dan pengajaran merupakan penutup bagi kisah Nabi Yusuf AS. Ia menerangkan hakikat hikmah di sebalik perpisahan yang lama antara Nabi Yusuf AS dan ahli keluarga baginda. Pada penghujung kisah, baginda menjelaskan kepada Nabi Yaakub AS, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 100:

﴿وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا وَقَالَ يَا أَبَتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُم مِّنَ الْبَدْوِ مِنْ بَعْدِ أَنْ نَزَغَ الشَّيْطَانُ بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِّمَا يَشَاءُ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾﴾

Maksudnya:

Dan dia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf: "Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah SWT telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya Dia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan daku dari penjara; dan Dia membawa kamu ke mari dari dosa sesudah syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbir-Nya bagi apa yang dikehendaki-Nya; sesungguhnya Dia lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Ayat di atas merupakan penutup kepada dialog yang berlangsung antara Nabi Yusuf AS dengan Nabi Yaakub AS yang bertemu semula setelah terpisah sejak baginda kecil lagi. Keseluruhan kisah nabi Yusuf AS bertitik tolak daripada mimpinya semasa kanak-kanak yang memberi petunjuk bahawa mimpinya itu akan menjadi kenyataan. Kesemua babak dan adegan dalam kisah Nabi Yusuf AS ini menjurus ke arah merealisasikan mimpi itu. Semua perancangan dan langkah disusun untuk merealisasikan tafsirannya. Oleh itu, penutup kisah ini menerangkan maksud dan tafsiran mimpi yang pernah disampaikan oleh Nabi Yusuf AS kepada Nabi Yaakub AS ketika baginda masih kecil (Ibn 'Ashūr, 1984).

Ayat ini juga mempunyai kaitan dengan lafaz *fa ṣabrun jamīl* (sabar itu indah) yang disebut pada ayat 18 dan 83 surah Yusuf. Semua perkara yang dihadapi oleh Nabi Yusuf AS dan Nabi Yaakub AS adalah manifestasi Tuhan untuk mendidik mereka tentang erti kesabaran. Mereka beroleh keindahan dan kegembiraan setelah melalui setiap ujian dengan kesabaran yang indah. Selepas Nabi Yusuf AS menjelaskan tafsiran mimpinya, baginda menutup kata-katanya dengan sebuah doa yang sarat dengan pengajaran. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 101:

﴿رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِي مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِي مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ﴾

Maksudnya:

“Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian daripada kuasa pemerintahan dan Engkau telah mengajarkanku sebahagian daripada ta'bir mimpi. Wahai Tuhan pencipta langit dan bumi! Engkaulah pelindungku di dunia dan akhirat, wafatkanku sebagai seorang Muslim dan gabungkanlah aku dengan para solihin.”

Doa inilah yang diminta oleh Nabi Yusuf AS daripada Tuhannya. Baginda menzahirkan rayuan, rintihan dan penyerahan dirinya kepada Allah SWT serta harapan dan impiannya untuk mencapai yang terbaik di sisi-Nya. Doa ini merupakan penutup yang terbaik kerana ia merupakan kesimpulan terpenting yang dapat dipelajari daripada kisah ini (Azlan & Izzuddin, 2019) serta menonjolkan kepuasan spiritual dalam kerangka kecerdasan spiritual (Fontaine, 2020). Nabi Yusuf AS mengajar setiap orang Islam supaya sentiasa berdoa seperti doanya ini serta menjadikan doa sebagai tujuan dan fokus yang ingin dicapai sepanjang hidup di atas muka bumi Allah SWT ini. Melalui doa ini juga Nabi Yusuf AS mengajar agar memelihara agama Islam dan etika sosial yang menjadi panduan sehinggalah seseorang itu bertemu Tuhannya (Sudarman, 2023).

#### 4. KESIMPULAN

Wacana dialog dalam surah Yusuf memberikan gambaran yang jelas terhadap perjalanan kisah Nabi Yusuf AS secara keseluruhannya. Analisis terhadap dialog-dialog yang terdapat di dalamnya memberikan makna yang mendalam tentang konteks kehidupan Nabi Yusuf AS yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Dialog dua hala mendominasi surah Yusuf berbanding dialog sehalu manakala watak dialog dalam surah Yusuf hanyalah golongan manusia yang terdiri daripada para Rasul, ahli keluarga Nabi Yusuf AS dan individu-individu yang tidak disebutkan nama mereka. Struktur dialog pula terdiri daripada permulaan dialog, perkembangan dialog dan peleraian dialog yang membentuk perjalanan kisah Nabi Yusuf AS secara tersusun dan teratur.

Kisah Nabi Yusuf AS menjadi pengajaran bagi seluruh umat Islam dalam berinteraksi dengan keluarga dan masyarakat serta cara membina kesabaran dan ketahanan diri. Terdapat watak-watak dalam kisah Nabi Yusuf AS yang tidak disebutkan namanya. Tujuannya adalah agar ciri-ciri yang terdapat pada watak-watak tersebut sama ada yang baik mahupun buruk boleh dijadikan teladan atau sempadan kerana watak-watak sebegitu juga terdapat dalam masyarakat Islam pada hari ini.

#### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

#### PENGHARGAAN

Jabatan Bahasa Arab, Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

#### SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Mohd Azrul Azlen Abd Hamid mengumpul dan menganalisis data. Mohd Farid Ravi Abdullah melakukan semakan dan penyuntingan. Achmad Yani memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## RUJUKAN

- Ab Halim, A. (2016). Quranic stories in introducing messages and values: An analysis on the story of Prophet Yusuf AS. *Jurnal al-Tamaddun*, 11(2), 59-66. Diperolehi daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8696>.
- Abdul Latif, M. A. N. (2014). *Wacana komunikasi dalam al-Quran: Satu analisis terhadap dialog dua hala* (tesis doktor falsafah), Universiti Malaya, Malaysia.
- Abdul Rahman Said, R., Bakri, M. & Mubarak, M. (2023). Konsep salamatul fitrah dalam al-Qur'an (Analisis wacana kritis dalam surah Yusuf). *Al Fawatih: Jurnal Kajian Al-Qur'an dan Hadis*, 4(1), 43-60. <https://doi.org/10.24952/alfawatih.v4i1.7405>.
- Abdul Rahman Said, R., Ilham, M., Rusdi, M. & Amiruddin, M. M. (2022). A critical review of traditional wisdom in the Quran: Exploring the value of Siri' in surah Yusuf. *Jurnal Adabiyah*, 22(1), 88-112. <https://doi.org/10.24252/jad.v22i1a5>.
- Azlan, A. & Izzuddin, M. F. (2019). *Tadabbur surah Yusuf*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Bansal, M. (2018). Teacher discursive moves: Conceptualising a schema of dialogic discourse in science classrooms. *International Journal of Science Education*, 40(15), 1891-1912. <https://doi.org/10.1080/09500693.2018.1514543>.
- Bohari, M., Mohd Yusof, F., Wan Abdullah, W. N. & Mohd Kosnin, A. (2020). Approaches found in surah Yusuf in addressing disciplinary problems. *Palarchs' Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9), 3049-3061. Diperolehi daripada <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/3549>.
- Dijk, T. A. (1983). Discourse analysis: Its development and application to the structure of news. *Journal of Communication*, 33(2), 20-43. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1983.tb02386.x>.
- Firdaus, M. A., Ramadhan, M. R. S., & Amrullah, A. K. (2023). 'Alāqah al-mahārah al-lughawīyah wa al-'aql fī sūrah Yūsuf al-āyah al-Thānīyah. *Al-Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 15(1), 37-59. <http://dx.doi.org/10.24042/albayan.v15i1.15217>.
- Fontaine, R. (2020). Increasing spiritual intelligence of Muslim employees by reflecting on the linguistic miracles of surah Yusuf. *Journal of Islamic Management Studies*, 3(1), 16-29. Diperolehi daripada <https://publications.waim.my/index.php/jims/article/view/167>.
- Ibn 'Āshūr, M. A. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tamwīr*. Jil. 12. Tunisia: al-Dār al-Ṭūnisīyah li al-Nashr.
- Ibn Kathīr, I. (2009). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 4. Turki: Dār al-Ṭayyibah.
- Ibrahim, W. J. (2010). Linguistic analysis of the psychological aspect in the story of Yusuf. *Journal of Education and Science*, 17(4), 1-16. Diperolehi daripada <https://www.iasj.net/iasj/pdf/f05d0a7503f1b42b>.
- al-Khālīdī, S. (1998). *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ waqā'i' wa taḥlīl aḥdāth*. Beirut: al-Dār al-Shāmiyyah.
- al-Mashhadānī, M. H. S. (2013). Analysis of academic content: Surah Yusuf as a model. *Journal of the Iraqi University*, 31(2), 57-84. Diperolehi daripada <https://www.iasj.net/iasj/pdf/423906b4b5852566>.
- Maesaroh, D., Aridah, A. & Rusmawaty, D. (2022). Can Islamic stories be used as supplementary English materials at Islamic elementary schools. *Southeast Asian Journal of Islamic Education*, 4(2), 145-156. <http://dx.doi.org/10.21093/sajie.v4i2.4166>.

- Nahar, S., Budianti, Y. & Sukur, R. (2023). Educational dialogue of prophet Ibrahim as with prophet Ismail as in the Quran (Study analysis of Qs As-Shaffat: 100-110). *MUADDIB: Studi Kependidikan dan Keislaman*, 13(1), 66-78. <http://dx.doi.org/10.24269/muaddib.v13i1.7518>.
- Nawfal, A. (1989). *Sūrah Yūsuf: Dirāsah Taḥlīliyyah*. ‘Ammān: Dār al-Furqān.
- Peters, M. A. & Besley, T. (2019). Models of dialogue in educational philosophy and theory. *Educational Philosophy and Theory*, 53(7), 669-676. <https://doi.org/10.1080/00131857.2019.1684801>.
- Puspita, W. (2018). *Manajemen konflik: Suatu pendekatan psikologi, komunikasi, dan pendidikan*. Jogjakarta: Penerbit Deepublish.
- al-Rāzī, F. (2012). *Mafātiḥ al-Ghayb*. Jil. 9. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Sudarman, S. (2023). Social ethics in the story of prophet Yusuf and its relevance to millennial youth semiotic analysis of Umberto Eco's communication. *Jurnal Komunikasi dan Pengembangan Masyarakat Islam*, 21(1), 23-44. <https://doi.org/10.20414/tasamuh.v21i1.7164>.
- Walton, D. N. & Krabbe, E. C. W. (1995). *Commitment in dialogue*. Albany: SUNY Press.
- Zakaria, K. & Nordin, M. Z. (2020). Struktur genetik perundingan nabi Yusuf AS dalam pemulihan emosi penghuni penjara: Analisis surah Yusuf. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 1(1), 20-26. <https://doi.org/10.30880/jqsr.2020.01.01.003>.
- Zakaria, K. & Nordin, M. Z. (2021). Bahasa dan kuasa: Analisis wacana bahasa perundingan Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudara baginda. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 662-670. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.194>.
- Zulhaini, Z. (2019). Peranan keluarga dalam menanamkan nilai-nilai pendidikan agama Islam kepada anak. *Jurnal Al-Hikmah*, 1(1), 1-15. Diperolehi daripada <https://media.neliti.com/media/publications/285692-peranan-keluarga-dalam-menanamkan-nilai-63884042.pdf>.

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

